

17 DEC 1998

MALAYSIA-DANA/I

MALAYSIA TIDAK AKAN PEROLEHI DANA DI SINGAPURA

Oleh: E. Sivabalan

HANOI, 17 Dis (Bernama) -- Malaysia telah memutuskan tidak akan memperolehi dana dari Singapura memandangkan ia kini mampu memperolehinya secara berdikari, Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong berkata hari ini.

"Mereka tidak perlu memperolehi dana dari Singapura. Mereka tidak memerlukan bantuan kami," beliau memberitahu pemberita selepas mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Goh dan Dr Mahathir berada di sini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Asean Keenam yang berakhir semalam.

Goh berkata Singapura menyambut baik keputusan Malaysia mengenai perkara itu. "Kami setuju," katanya.

Pada perjumpaan antara beliau dan Goh di Kuala Lumpur pada 4 Nov, Dr Mahathir telah berkata bahawa Malaysia ingin memperolehi dana dari Singapura dan bahawa kedua-dua pihak akan mengkaji urusan perolehan dana pada satu tarikh lain kelak.

Para penganalisis telah berkata bahawa dana-dana itu berkemungkinan diperolehi melalui terbitan bon-bon di pasaran republik itu.

Bagaimanapun, Goh berkata bahawa Malaysia kini boleh memperolehi dana secara berdikari.

Goh berkata memandangkan Malaysia tidak perlu memperoleh dana dari Singapura, isu air akan dibincangkan secara berasingan.

"Jadi kini isu air akan dibincangkan bersama dengan isu-isu lain," katanya.

"Tetapi pada asasnya, kami bersedia membuat janji niaga dana untuk air. Jika Malaysia tidak perlukan dana, Malaysia tidak perlu memberikan kami air," katanya.

Oleh itu, Singapura tidak akan meminta bekalan air dari Malaysia jika Kuala Lumpur tidak mahu membekalkan air.

"Tetapi, Dr Mahathir komited untuk memberi kami air. Beliau mengulangi bahawa Malaysia akan memberi Singapura air dan beliau akan menghormati komitmen itu walaupun sekiranya tidak ada dana dari Singapura," kata Goh.

Semasa perbincangan mereka di Kuala Lumpur bulan lalu, Dr Mahathir berkata Malaysia akan menentukan sebanyak mana air yang akan dibekalkannya kepada Singapura dan sebanyak mana republik itu perlu.

Singapura mahu melanjutkan perjanjian airnya yang sedia ada melampaui tahun 2061.

Berikutan beberapa perbincangan sebelum itu pada Februari antara kedua-dua perdana menteri itu di Kuala Lumpur, Malaysia bersetuju terus membekal air kepada Singapura melampaui 2061, satu persetujuan yang sepatutnya disahkan di dalam satu perjanjian dalam masa 60 hari.

Tempoh 60 hari itu telahpun luput tetapi perjanjian itu tidak dimeterai. --BERNAMA

ES MR OS